

29 OCT 2003

AS-MALAYSIA/I

MAJLIS PERNIAGAAN AS-ASEAN SERU SENAT AS PERTIMBANG SEMULA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 29 Okt (Bernama) -- Presiden Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean Ernest Bower, pada Selasa menyeru Senat AS untuk menimbang semula keputusannya mengenakan syarat bagi bantuan latihan ketenteraan AS\$1.2 juta kepada Malaysia -- satu langkah yang disifatkan sebagai simbolik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tiga hari sebelum bersara selepas berkuasa selama 22 tahun, berkata di Putrajaya bahawa keputusan Senat itu "tidak memberi sebarang perbezaan kepada kami. Kami sebenarnya tidak memerlukan wang itu."

Bower, yang ditemubual Bernama di pejabatnya di sini menekankan, "tiada siapa di sini menyokong komen Dr Mahathir mengenai Yahudi. Sebaliknya, dalam pengalaman kami, Malaysia tiada kena mengena dengan anti-Yahudi."

"Kenapa perlu mengenakan gari kepada seorang pemimpin yang disifatkan sebagai suara sederhana di dunia Islam? Kenapa menghukum sebuah negara sedangkan ia satu rakan kukuh dalam perang terhadap keganasan? adalah menjadi harapan kami bahawa perundangan itu tidak diluluskan."

Senat itu meminda rang undang-undang perbelanjaan bantuan asingnya bagi tahun depan untuk menjadikan bantuan kepada Malaysia bergantung kepada ketentuan setiausaha negara bahawa kerajaan Malaysia "menyokong dan menggalakkan kebebasan beragama, termasuk toleransi kepada kepercayaan Yahudi."

Setiausaha negara boleh membuat pengecualian atas sebab keselamatann negara.

Dewan Perwakilan telah meluluskan versi rang undang-undangnya sebelum Dr Mahathir menyampaikan ucapannya, yang disifatkan kontroversi oleh pihak Barat, di OIC.

Rang undang-undang perbelanjaan operasi asing AS\$18 bilion itu dijangka diluluskan oleh Senat. Dewan itu dan Senat akan bermesyuarat kemudiannya untuk merapatkan jurang berpezaan masing-masing sebelum rang undang-undang itu menjadi undang-undang.

Baru-baru ini Bower berada di Bangkok untuk menghadiri mesyuarat Apec dan sidang kemuncak para pemimpinnya. Beliau turut mengadakan perbincangan peribadi dengan perdana menteri Malaysia itu serta penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mengenai Dr Mahathir, beliau berkata: "Beliau adalah seorang pemimpin pragmatik. Seorang pembina. Saya menghormatinya. Saya menghormati orang yang berterus terang. Beliau adil dan beliau mencintai negaranya. Ini menjadikannya agak konsisten. Anda perlu memahami asal usulnya."

"Saya tidak pernah memahami kenapa beliau menggunakan retorik yang kelihatan anti-Amerika -- kemungkinan saya tidak pernah memahami politik Malaysia dengan baik," kata Bower.

Bower berkata: "Adalah malang bahawa dalam minggu terakhir sebagai perdana menteri, focus kita dialih daripada hakikat bahawa Malaysia adalah kawan rapat dalam bidang ketenteraan -- tentera Malaysia menyelamatkan tentera kami di Mogadishu."

Mengenai Abdullah, Bower berkata, bakal perdana menteri itu mempunyai trek rekod yang baik sebagai menteri luar, menteri dalam negeri dan sebagai timbalan perdana menteri.

"Beliau boleh memberikan AS sedikit nasihat sebagai kawan dan dengan Malaysia memainkan peranan penting di Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan di dunia membangun di bawah Pergerakan Berkecuali (NAM) -- beliau dapat

menyampaikan kepada kami mengenai kebimbangan, ketakutan dan kegelisahan dunia Islam dan membangun -- Malaysia berada dalam banyak kedudukan yang unik -- kami memerlukan rakan seperti itu."

Majlis itu adalah penyokong kuat perdagangan yang lebih kukuh AS-Asean dan mempunyai senarai program berterusan untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara AS dan rantau ini.

Majlis itu turut menggalakkan kerajaan-kerajaan di rantau ini untuk menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) bilateral dengan AS. Singapura telah menandatangani FTA itu dengan AS, Thailand akan memulakan perundingan pada tahun depan manakala kabinet Malaysia bersetuju untuk meneruskan Perjanjian Kerangka Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) dengan AS, meletakkan batu asas bagi perundingan FTA.

Eksport AS ke Malaysia tahun lepas bernilai AS\$10.3 bilion manakala import AS dari Malaysia adalah \$24.1 bilion. Pelaburan AS ke Malaysia bagi tahun 2001 ialah AS\$7.5 bilion. -- BERNAMA

SH AHH SD AHM